

TNB akan guna meter pintar

Oleh FAUZI JAAFAR
ekonomi@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 28 Mac -Sebanyak 8.5 juta pelanggan Tenaga Nasional Bhd. (TNB), mampu menjimatkan penggunaan tenaga elektrik pada waktu sebenar apabila syarikat utiliti negara merancang pemasangan Infrastruktur Permeteran Canggih (AMI) atau meter pintar yang bermula di Melaka pada tahun depan.

Pengurus Kanan bagi Projek Bil Pintar TNB, Datin Siti Laila Sri Asih S Garieb berkata, Peranti tersebut berkebolehan membantu pelanggan memantau penggunaan elektrik dan seterusnya mengawal penggunaannya, mendidik kesan pelepasan karbon dan pembaziran yang berlaku melalui data bil yang dikemas kini dalam masa setengah jam.

Beliau berkata, meter pintar itu juga membolehkan pengguna mengetahui kecekapan produk elektrik yang mereka gunakan serta mampu mengetahui tarif elektrik yang murah pada waktu-waktu tertentu.

"Kami telah melaksanakan pro-



SITI LAILA SRI ASIH

Smart Meter dan Manfaatnya Kepada Pengguna pada majlis Lawatan Suai Kenal Media TNB 2016 di Melaka baru-baru ini.

Kira-kira 300,000 kediaman di Melaka akan digantikan meter digital masing-masing kepada meter pintar yang bakal selesai dalam masa setahun sebelum diperkenalkan ke seluruh negara yang dijangka selesai pada 2021.

Teknologi meter pintar berkiraan diimport dari Perancis dan Amerika Syarikat (AS) dan TNB tidak

kek perintis AMI atau meter pintar ini pada tahun lepas dengan melibatkan 1,000 kediaman iaitu sebanyak 800 di Melaka dan 200 di Putrajaya menggunakan dana RM9 juta yang diperuntukkan oleh kerajaan.

"Sebelum AMI ini pelanggan mungkin sukar untuk mengawal penggunaan elektrik kerana bil diperoleh selama sebulan, tetapi dengan AMI ini pengguna boleh mengetahui penggunaan elektrik dalam waktu sebenar dan penjimatan boleh dilakukan dengan kadar segera," katanya pada taklimat Inisiatif

akan mengenakan sebarang kos pemasangan kepada pelanggan.

Menurut Siti Laila, pelanggan perlu percaya dengan penggunaan meter pintar kerana ia kini telah mendapat sambutan di seluruh negara dan menerusi projek perintis di Melaka dan Putrajaya, tidak banyak analisis teknikal yang dikemukakan.

Malah katanya, ada pengguna di Melaka yang tidak dipasang dengan meter pintar tersebut meminta supaya disegerakan pemasangan di rumah mereka ketika projek perintis sedang berjalan.

Malah katanya, pemilik kediaman yang menyewakan rumah mereka boleh mengetahui penggunaannya elektrik di rumah sewa melalui aplikasi teknologi yang boleh diakses di telefon pintar atau pun komputer peribadi.

Menurut ABI Research, yang merupakan peneraju dalam perisikan pasaran inovasi teknologi transformasi yang berpangkalan di AS, terdapat 790 juta meter pintar yang akan dipasang di seluruh dunia pada 2020.

Negara yang telah melaksanakan penggunaan meter pintar ini termasuk Itali dengan pemasangan 30 juta, Jepun (12 juta), Arab Saudi (12 juta) dan Sweden (5.2 juta).



MOHAMAD AZIZ (dua dari kiri) besama Mohd. Isa Abdul Samad (dua dari kanan) dan Sheikh Awab Sheikh Abod (kiri) melihat model kilang gula yang akan dibina di Kompleks Industri Tanjung Langsat di Pasir Gudang, semalam.

HoloLens hasilkan mesej hologram seperti dalam Star Wars

MUKA 21



Kraf tangan Malaysia kini dijual di 11street

MUKA 22

KUALA LUMPUR
(Indeks Komposit)

(-1.380) mata 1,702.410

SINGAPURA
(Straits Times)
 (-17.10) mata 2,830.29

TOKYO
(Nikkei)
 (+131.62) mata 17,134.37

NEW YORK
(Dow Jones)

TUTUP

TUKARAN MATA WANG ASING

28.03.16

DOLAR 4.0110/0160

POUND 5.6856/6931

EURO 4.4799/4871

RIYAL (100) 106.9486/107.0962

YEN 3.5352/5411


DOLAR 2.9280/9335

RUPIAH (100) 0.0300/0.0300

Berjuta-juta meter pintar telah dipasang di seluruh dunia dan dijangka mencecah

780 juta

pada tahun 2020



Itali	30,000,000	Sweden	5,200,000	Perancis	3,000,000	Australia	3,200,000
Denmark	3,000,000	Estonia	638,000	Malta	140,000	Belanda	1,500,000
Finland	2,000,000	Jerman	500,000	Portugal	100,000	Arab Saudi	12,000,000
Spanyol	3,500,000	UK	1,350,000	Singapura	26,000	Jepun	12,000,000

Nota: Unjuran pertumbuhan kira-kira 10 juta setahun

Sumber: ABI Research, London 2015

Eksport gula MSM RM500 juta pada 2018

Oleh ZULHISHAM ISAHAK
ekonomi@utusan.com.my

PASIR GUDANG 28 Mac - MSM Malaysia Holdings Bhd. (MSM) yang berhasrat menjadi peneraju dan pembekal gula di rantau Asia Pasifik menyasarkan pendapatan termasuk hasil eksportnya ke lebih 20 negara berjumlah RM500 juta pada 2018.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MSM, Datuk Sheikh Awab Sheikh Abod berkata, permintaan akan terus bertambah dalam tempoh 10 tahun ini terutama dari dua negara pengimpor utama gula Malaysia iaitu India dan China.

"Ini kerana dalam tempoh tahun 2015 hingga 2025, permintaan gula di India yang merupakan pengguna gula terbesar di Asia berjumlah 25 juta tan metrik setahun ketika ini dan akan bertambah kepada 40 juta tan metrik setahun."

"Begitu juga dengan China yang merupakan negara kedua terbesar mengimpor gula daripada kita, ketika ini menggunakan 16 juta tan metrik gula berbanding 25 atau 26 tan metrik dalam tempoh 10 tahun akan datang," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akbar selepas merasmikan Majlis Pecah Tanah Kilang MSM Johor Sdn. Bhd. dan Majlis Menantang Perjanjian Pembinaan Kemudahan Am Berhubung Kredit-i dan Kemudahan Pembiayaan Bertempoh-i berjumlah RM1.25 bilion di Pelabuhan Tanjung Langsat, di sini hari ini.

Yang turut hadir Penggerusi MSM, Tan Sri Mohd. Isa Abdul Samad dan Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) Johor, Tan Sri Mohamad Aziz mewakili Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin.

Sheikh Awab berkata, di Malaysia pula kira-kira 28 juta rakyatnya menggunakan 1.4 juta tan metrik gula setahun dan dijangka meningkat kepada 1.9 juta tan metrik setahun tidak lama lagi.

Beliau memberitahu, MSM turut mengeksport gula antaranya ke Singapura, Indonesia, New Zealand, Australia serta Pakistan dan akan menembusi lebih banyak negara selepas kilang di Tanjung Langsat siap menjelang tahun 2017.

Jelasnya, kilang itu merupakan kilang pengeluaran gula terbesar di negara ini dengan kapasiti pengeluaran lebih dua juta tan metrik gula bertapis setahun berbanding kilang di Prai, Pulau Pinang dan Chuping, Perlis yang kedua-duanya menghasilkan 1.25 juta tan metrik setahun.

Terdahulu dalam ucapannya beliau berkata, kilang di Tanjung Langsat akan menghasilkan 3,000 tan metrik gula bertapis sehari dan mampu meningkatkan pengeluaran sehingga 6,000 tan metrik berdasarkan permintaan semasa.

Katanya, lebih RM1 bilion dilaburkan untuk pembinaan kilang berkenaan yang disifatkan sebagai kilang penapis bertaraf global dengan pelbagai kemudahan canggih dan terkini di kawasan seluas kira-kira 20 hektar.